



Rujukan : UKM3.6/224/3JLD.9

Tarikh : 27 November 2014

PEKELILING JABATAN PENDAFTAR BIL.18 /2014

**DEKAN/PENGARAH/KETUA/PENGETUA
FAKULTI/INSTITUT/PUSAT/JABATAN/KOLEJ KEDIAMAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

YBhg. Prof/Datuk/Datin/Tuan/Puan,

**SYARAT TAMBAHAN PERMOHONAN SOKONGAN BAGI MENDAPATKAN
TARAF PENDUDUK TETAP (*PERMANENT RESIDENCE*) OLEH PENSYARAH
(BUKAN WARGANEGARA) UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sehubungan dengan itu, dimaklumkan bahawa Mesyuarat Pengurusan Universiti Bil.11/2014 bertarikh 9 September 2014 telah meluluskan syarat tambahan mengenai Garis Panduan Permohonan Sokongan Bagi Mendapatkan Taraf Penduduk Tetap (*Permanent Residence*) oleh Pensyarah Warga Asing Untuk Kelulusan Jabatan Imigresen.

3. Oleh yang demikian, Pekeliling Jabatan Pendaftar Bil.8/2011 bertarikh 3 Ogos 2011 adalah **DIBATALKAN.**

4. Untuk makluman YBhg. Prof/Datuk/Datin/Tuan/Puan, setiap permohonan perlu menepati garis panduan yang telah ditetapkan oleh KPT (Lampiran A) dan memenuhi syarat tambahan yang telah ditetapkan oleh pihak Universiti (Lampiran B).

5. Sukacita YBhg. Prof/Datuk/Datin/Tuan/Puan dapat membuat hebahan kepada kakitangan di bawah seliaan masing-masing. Sebarang maklumat lanjut, YBhg. Prof/Datuk/Datin/Tuan/Puan boleh menghubungi Dr. Hjh Ina Md. Yasin (03-89215011 / e-mel:eyna@ukm.edu.my) atau Puan Nur Abidah Md. Sulbidin (03-89215011 / e-mel:diba@ukm.edu.my).

Sekian, terima kasih.

"OPTIMUMKAN SUMBER, MAKSIMUMKAN PRODUKTIVITI"

Yang benar,

ASMAHAN MUSA

Pengarah Eksekutif Pentadbiran

- s.k. - Naib Canselor
- Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Akademik dan Antarabangsa)
- Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Penyelidikan dan Inovasi)
- Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Pelajar dan Alumni)
- Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Jaringan Industri dan Masyarakat)



MS ISO 9001:2008 Cert. No. : AR 5779

**GARIS PANDUAN PERMOHONAN SOKONGAN BAGI
MENDAPATKAN TARAF PENDUDUK TETAP (PR) OLEH
PENSYARAH WARGA ASING UNTUK KELULUSAN JABATAN
IMIGRESEN**

1. TUJUAN

Garis panduan ini adalah bertujuan untuk memaklumkan kepada Institusi Pengajian Tinggi (IPT) mengenai kriteria-kriteria yang perlu diambil kira bagi permohonan sokongan daripada Kementerian Pengajian Tinggi untuk mendapatkan taraf penduduk tetap (PR) oleh pensyarah warga asing.

Garis panduan ini akan membantu pengurusan IPT menapis permohonan taraf PR pensyarah warga asing dan dijadikan asas pertimbangan bagi perakuan kepada pihak yang berkaitan.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Bagi meningkatkan bilangan pakar asing di dalam bidang akademik, Jabatan Imigresen telah menawarkan kemudahan kepada golongan tersebut. Di bawah Akta Imigresen 1959/63, pemegang status PR berhak untuk tinggal di negara ini tanpa had waktu.
- 2.2 Untuk mendapat keistimewaan-keistimewaan yang ditetapkan, Jabatan Imigresen berpendapat bahawa setiap permohonan daripada warga asing perlu ditapis bagi memastikan pemberian status PR kepada mereka akan memberi sumbangan yang signifikan kepada negara.

3. PRINSIP PERMOHONAN TARAF PENDUDUK TETAP OLEH PENSYARAH WARGA ASING

3.1 Dalam usaha meningkatkan profil sesebuah IPT, pemberian sokongan taraf penduduk tetap boleh dipertimbangkan demi kepentingan pengajian tinggi berdasarkan keperluan berikut:

- (a) Memenuhi keperluan profesional/kepakaran dalam sesebuah projek khas;
- (b) Memenuhi keperluan bidang kritikal yang tidak dapat diperolehi daripada pakar tempatan; dan
- (c) Meningkatkan dan memantapkan Pembangunan Penyelidikan (R&D) dalam bidang-bidang tertentu melalui kepakaran di kalangan pasukan pensyarah warga asing.

3.2 Semua pemohon bagi tujuan permohonan taraf penduduk tetap hendaklah memenuhi syarat-syarat asas berikut:

- (a) Telah berkhidmat dengan maksimum sekurang-kurangnya dalam tempoh kontrak 3 tahun;
- (b) mempunyai prestasi kerja di tahap yang baik;
- (c) mempunyai pengalaman luas dalam bidang pendidikan;
- (d) mempunyai kompetensi dalam bidang kritikal yang diperlukan; dan
- (e) Sokongan daripada Dekan Fakulti dan mendapat kelulusan/persetujuan Naib Canselor/Ketua Eksekutif.

4. PELAKSANAAN

- 4.1 Semua permohonan hendaklah dikemukakan melalui IPT masing-masing. Pihak IPT hendaklah membuat tapisan kepada setiap permohonan yang diterima.
- 4.2 IPT perlu menghantar permohonan yang disertakan dengan ringkasan *Curriculum Vitae* pemohon yang telah disahkan oleh Pendaftar.
- 4.3 Melalui Pejabat Pendaftar, setiap permohonan yang telah ditapis hendaklah dikemukakan ke alamat berikut:

**Ketua Pengarah
Jabatan Pengajian Tinggi
Aras 9, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5,
62200 PUTRAJAYA**

- 4.2 Jabatan Pengajian Tinggi akan hanya memproses permohonan yang lengkap diterima sebelum sebarang surat perakuan dikeluarkan untuk rujukan Jabatan Imigresen.
-

**SYARAT TAMBAHAN
PERMOHONAN TARAF PENDUDUK TETAP (PR)
OLEH PENSYARAH (BUKAN WARGANEGARA)
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

- 1.0. Prestasi kerja di tahap baik
 - 1.1. Penerbitan 2.5 ISI setahun dan bilangan penerbitan jurnal terindeks yang memuaskan
 - 1.2. Sistem Penilaian Prestasi Universiti :
 - i. Laporan Nilai Prestasi : 85% dan ke atas
 - ii. Sahsiah : 85% dan ke atas
 - 1.3. Bilangan kursus – 2 kursus satu semester
 - 1.4. Penyeliaan :
 - i. Pelajar Pra-Siswazah : 5 orang (tamat)
 - ii. Penyeliaan Pelajar Sarjana : 2 orang (tamat)
 - iii. Penyeliaan Pelajar Ph. D : 2 orang (sedang/tamat)
 - 1.5. Geran Penyelidikan :
 - i. DS51 : RM10,000.00
 - ii. DS54 : RM20,000.00
 - iii. VK : RM30,000.00
 - 1.6. Calon yang memohon hendaklah fasih berbahasa Melayu di mana calon perlu melalui sesi temubual dan mendapat perakuan di peringkat Universiti
 - 1.7. Terlibat dalam aktiviti Khidmat Masyarakat di Malaysia dengan melampirkan pembuktian

**BUTIRAN PENILAIAN PERMOHONAN TARAF PENDUDUK TETAP (PR) OLEH PENSYARAH (BUKAN WARGANEGARA)
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

NAMA PEMOHON :
 JAWATAN :
 FAKULTI/PUSAT/INSTITUT :

| A. TEMPOH PERKHIDMATAN DI UKM (Sekurang-kurangnya 3 Tahun) | B. PENERBITAN (Jurnal Terindeks Yang Memuaskan) 2.5 ISI Setahun | C. SISTEM PENILAIAN PRESTASI UNIVERSITI (SPPU) TAHUN SEMASA i. LNP:85% dan ke atas ii. Sahsiah:85% dan ke atas | D. BIL. KURSUS MENGAJAR 2 Kursus Satu Semester | E. PENYELIAAN i. Pelajar pra-siswazah : 5 orang (tamat) ii. Penyeliaan pelajar Sarjana : 2 orang (tamat) iii. Penyeliaan pelajar Ph. D : 2 orang (sedang/tamat) | F. GERAN PENYELIDIKAN DS51 :RM10,000.00 DS54 :RM20,000.00 VK :RM30,000.00 | G. KEISTIMEWAAN/ SUMBANGAN YANG TELAH DILAKSANAKAN | I. KETERLIBATAN AKTIVITI KHIDMAT MASYARAKAT | H. KEFASIHAN BERBAHASA MELAYU |
|---|--|--|---|--|--|--|---|-------------------------------|
| | | | | | | | | |

CATATAN: *Mohon lampirkan dokumen/ pembuktian untuk setiap syarat yang ditetapkan